



PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

(A) Terma dan Syarat Pertandingan

1. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua warga Negara Malaysia sama ada Individu atau Organisasi.
2. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan
3. **Idea, konsep dan penerangan berkaitan logo** dan tema yang diperoleh serta hasil karya logo dan tema yang disertakan dalam pertandingan ini adalah hasil usaha sendiri yang asli dan tidak pernah diterbitkan, disiarkan, digunakan, ditiru, diciplak dan diambil daripada mana-mana pihak atau hasil kerja orang lain mahupun dari luar negara.
4. Semua logo ciptaan peserta yang diterima oleh Urus Setia Pertandingan Reka Cipta Logo Majlis Perbandaran Pekan akan menjadi hak milik Majlis Perbandaran Pekan sepenuhnya dan peserta tiada hak ke atas logo tersebut selepas pertandingan ini. Perakuan hak milik ini hendaklah ditandatangani di dalam borang penyertaan.
5. Penyertaan akan **DIBATALKAN** secara serta-merta jika peserta melanggar peraturan ini.
6. Peserta akan **BERTANGGUNGJAWAB** jika terdapat sebarang tuntutan atau apa jua tindakan oleh mana-mana pihak berkaitan logo tersebut.
7. Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah tanggungjawab para peserta sendiri.
8. Peserta hendaklah memberikan butir-butir diri yang berikut apabila menghantar penyertaan:
 1. **Nama Penuh atau nama syarikat**
 2. **Nombor kad pengenalan**
 3. **Nombor telefon**
 4. **Alamat E-mel**

(B) Spesifikasi Reka Bentuk Logo

1. Reka bentuk logo mestilah baru dan asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang dianggap sensitif dan boleh menyinggung sensitiviti mana-mana pihak.
2. Reka bentuk logo perlu bersesuaian dengan objektif serta fungsi Majlis dan beridentitikan Bandar Pekan sebagai sebuah Bandar Diraja serta Mampan.
3. Mempunyai elemen Bunga Pekan sebagai lambang Pekan mendapat nama.
4. Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan juga akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ciplak.
5. Logo hendaklah dihasilkan secara softcopy menggunakan format Adobe Illustrator (A.I.) atau JPEG dengan resolusi minimum adalah 1280 x 960 melalui **Google Form atau Kod Qr yang telah disediakan.**
6. **Keterangan atau penjelasan** mengenai reka bentuk logo, simbol serta warna yang digunakan hendaklah diberikan.
7. Reka bentuk logo hendaklah ringkas, menarik, jelas, dan kemas

(c) Tempoh Pertandingan

1. Peraduan ini akan bermula pada **15 April 2023 (Sabtu)** sehingga **15 Mei 2023 (Isnin).**
2. Pihak Urus Setia Pertandingan berhak untuk mengubah tempoh pertandingan mengikut kesesuaian keadaan. Pihak penganjur akan mengemaskini jika terdapat perubahan tarikh peraduan pada laman web dan media sosial Majlis Daerah Pekan.

(D) Metodologi Penilaian

1. Penilaian akan dilakukan terhadap semua penyertaan yang diterima daripada peserta yang menyertai pertandingan ini.

2. Penilaian akan dilakukan terhadap setiap penyertaan yang diterima daripada peserta **sebelum atau pada 15 Mei 2023 (Isnin)**.

(E) Panel Penilai

1. Penilaian akan dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilai yang dilantik.
2. Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh Panel Penilai dan Majlis Daerah Pekan.
3. Panel Penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan

(F) Hadiah

1. Pemenang akan menerima wang tunai seperti berikut:-
 - **Pemenang : RM 1,000.00**
2. Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Urus Setia melalui telefon atau surat.

(G) Penghantaran Penyertaan

Penyertaan hendaklah dihantar kepada Pihak Majlis Daerah Pekan secara **“softcopy”** melalui Kod QR yang telah disediakan seperti di bawah :-



PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO



PEKAN BANDAR DIRAJA
MEGAH INDAH MAKMUR

SEMPENA NAIK TARAF
“ MAJLIS DAERAH PEKAN ”
KEPADA
“ MAJLIS PERBANDARAN PEKAN ”

PENYERTAAN BOLEH DIHANTAR MELALUI KOD QR:



ATAU

GOOGLE LINK YANG TELAH DISEDIAKAN :

[HTTPS://FORMS.GLE/RHAPSNRSWKDXIBDA6](https://forms.gle/RHAPSNRSWKDXIBDA6)

**PENYERTAAN
PERCUMA!!!**

**PEMENANG AKAN MENERIMA :
RM 1,000.00**



TARIKH PENYERTAAN :

15 APRIL 2023 SEHINGGA **15** MEI 2023

UNTUK SEBARANG PERTANYAAN BOLEH HUBUNGI : 09-421
1074/77/80

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM DAN KOMUNITI, MAJLIS DAERAH
PEKAN

PENGHANTARAN HASIL KARYA
DALAM BENTUK :



*TERTALUK TERMA & SYARAT

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA LAYARI :
[HTTPS://WWW.MDPEKAN.GOV.MY/MS](https://www.mdpekan.gov.my/ms)

**#PEKAN BANDAR DIRAJA
MEGAH, INDAH, MAKMUR**



MAJLIS DAERAH PEKAN